

PM siasat dakwaan Nik Aziz

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzaman dan Nordin Zakaria

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan memastikan kebenaran dakwaan kononnya Kelantan hanya menerima 10 peratus daripada peruntukan yang wajib dihulurkan kepada negeri itu tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, berkata beliau sendiri akan memastikan sama ada dakwaan Menteri Besar Kelantan Nik Aziz Nik Mat mengenai perkara itu, benar atau sebaliknya.

Setakat yang diketahui, kata Dr Mahathir, Kerajaan Pusat telah meluluskan wang yang sepatutnya diperuntukan kepada Kerajaan Kelantan.

"Jika tidak sampai itu masalah lain, tetapi kita boleh menyelidik sama ada benar Kelantan hanya menerima 10 peratus. Saya akan pegang pada angka 10 peratus ini (dakwaan Nik Aziz) dan menyelidikannya," katanya.

Beliau diminta mengulas dakwaan Nik Aziz Jumaat lalu kononnya Kerajaan Pusat hanya membayar RM13 juta (atau kira-kira 10 peratus daripada

jumlah peruntukan wajib mengikut Perlembagaan Persekutuan tahun ini) kepada Kerajaan Kelantan.

Mengikut Perlembagaan, Kerajaan Pusat perlu membayar kira-kira RM130 juta kepada Kelantan tahun ini.

Dr Mahathir berkata, Kelantan sepatutnya tidak mampu membayar gaji pegawai kerajaan (jika menerima 10 peratus saja) tetapi sebaliknya ia boleh melakukan lebih daripada itu termasuk berbelanja untuk kegiatan lain.

Ditanya apakah tindakan kerajaan jika dakwaan itu benar, Perdana Menteri berkata: "Jika benar kita boleh bayar balik, tetapi saya tidak nampak ia (dakwaan berkenaan) benar."

Mengenai cabaran Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah ketika berceramah di Alor Star malam kelmarin supaya kerajaan menyiarkan rakaman di televisyen tempatan temubualnya dengan televisyen Australia, Dr Mahathir berkata, kerajaan mengetahui apa yang diperkatakan bekas Menteri Kewangan itu dan

beliau tidak perlu mencajar kerajaan.

"Sebenarnya dia diperalat oleh televisyen Australia yang kita semua tahu tidak pernah memperkatakan sesuatu yang baik mengenai Malaysia. Orang ini (Tengku Razaleigh) tiada prinsip perjuangan dan tidak taat kepada Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, Tengku Razaleigh sanggup diperalat dan digunakan oleh sesiapa saja kerana takut kalah termasuk merancang untuk memboikot pilihan raya.

"Tengku Razaleigh boleh meneruskan kegiatan memburuk-burukkan kerajaan di luar negara jika mahu berbuat demikian. Tetapi, kita pun ada bukti juga. Masa dia jadi Menteri Kewangan apa jadi pada Bank Bumi-putra yang semua diisi dengan kawannya... *bankers mafia*," katanya.

Beliau juga berkata, Tengku Razaleigh sanggup menerima dan memberi penghormatan media yang anti kerajaan tetapi tidak sanggup menerima media tempatan.